

16/11/1997

ACCCIM kutuk campur tangan luar

KUANTAN: Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Malaysia (ACCCIM) menyokong penuh kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Presidennya, Tan Sri Wee Boon Ping, berkata ACCCIM dan semua dewan perniagaan Cina seluruh negara mengutuk campur tangan luar terhadap hal ehwal negara ini.

Dalam satu kenyataan yang difaks kepada pejabat Berita Minggu, di sini, beliau berkata, sokongan itu dibuat dalam resolusi Mesyuarat Agung Tahunan Ke-51 ACCCIM, di sini, kelmarin.

Resolusi itu berikutan percubaan 34 ahli kongres Amerika Syarikat (AS) mendesak Dr Mahathir meletak jawatan.

Menurutnya, ACCCIM tidak mahu orang luar mencemarkan imej baik Perdana Menteri dan mengancam kestabilan politik dan ekonomi negara.

(END)